

**Jakarta perlu ambil tindakan tegas terhadap pihak cetus jerebu, kata Najib  
Malaysian Insider  
June 25, 2013  
oleh Mohd Farhan Darwis**

Tindakan tegas perlu diambil oleh Indonesia terhadap mana-mana pesalah yang mencetuskan masalah jerebu tanpa mengambil kira siapa mereka, gesa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Najib berkata beliau akan mengutus surat kepada Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono berhubung perkara itu bagi memohon kerjasama untuk menguatkuasakan tindakan yang lebih berkesan terhadap pelaku kepada masalah jerebu.

"Soalnya bukan siapa milik ladang, tapi soal apa yang berlaku. Tak kira milik Malaysia, Singapura atau Indonesia, kalau buat kesalahan kita akan ambil tindakan.

"Saya akan utus surat kepada Susilo Bambang Yudhoyono untuk mohon kerjasama bagi menguatkuasakan tindakan lebih berkesan terhadap mana-mana pihak yang melakukan apa juga yang boleh sebabkan masalah jerebu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Perdana menteri juga berkata soal pemilik ladang bukanlah isunya, tetapi apa yang utama adalah insiden jerebu yang sedang berlaku dan berada dalam keadaan kritikal.

Beliau turut berkata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G. Palanivel juga akan ke Jakarta pada Rabu bagi membincangkan perkara itu dengan rakan sejawatnya.

Pengerusi BN itu turut menyuarakan keupayaan Malaysia untuk membantu negara republik berkenaan dalam memadamkan kebakaran dengan menggunakan pesawat "Water Bomber" yang dimiliki Malaysia.

"Kita ada water bomber, yang berkeupayaan menyedut air dan boleh disimbah di kawasan yang sedang terbakar dan boleh padamkan kebakaran.

"Walaupun api bukan begitu mudah (dipadamkan), ia berada di bawah permukaan, ia perlukan tindakan lebih kerap untuk padamkan api," katanya lagi.

Sementara itu, Palanivel yang ditemui di perkarangan PWTC mengesahkan perkara itu, dan beliau telah menerima maklum daripada presiden republik berkenaan mengakui syarikat Republik berkenaan juga terlibat mencetuskan jerebu.

"Kami akan berbincang dengan kementerian alam sekitar Indonesia, masalahnya mereka belum 'ratify' perkara mengenai jerebu ini ... Singapura, Malaysia sudah. Saya akan bincang isu di Sumatera mengenai pembakaran terbuka, titik panas ... kita akan duduk bersama-sama dan bincang," katanya kepada pemberita.

"Saya akan bagi kenyataan di Indonesia ... PM dah arahkan," katanya merujuk kepada Najib. - 24 Jun, 2013.

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/jakarta-perlu-ambil-tindakan-tegas-terhadap-pihak-cetus-jerebu-kata-najib/>